PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi global sederhana

Ekonomi global terus berkembang pada kadar sederhana pada suku ketiga 2014, dengan pertumbuhan tidak sekata di seluruh ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda lebih meluas yang menunjukkan bahawa ekonomi AS terus bertambah baik, pertumbuhan di kawasan euro kekal lembap dalam keadaan masalah struktur yang berterusan dan sentimen yang semakin lemah. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, walaupun pertumbuhan dalam beberapa ekonomi adalah lebih sederhana. Keadaan monetari global kekal akomodatif, tetapi hala tuju dasar monetari berbeza dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.

Ketidaktentuan pasaran kewangan meningkat pada suku ketiga, terutamanya pada separuh kedua bulan September. Walaupun pelonggaran dasar monetari tambahan oleh European Central Bank (ECB) memberikan sedikit sokongan kepada sentimen pasaran, keyakinan pelabur pada keseluruhannya terjejas oleh data yang lebih lemah daripada jangkaan, khususnya di kawasan euro dan Jepun, jangkaan kenaikan kadar faedah AS yang lebih cepat, dan perkembangan geopolitik yang sedang berlaku. Di Asia, kebanyakan ekuiti Asia menunjukkan trend yang lebih rendah berikutan kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan global dan penghindaran risiko oleh para pelabur yang meningkat. Walau bagaimanapun, ekuiti Jepun bertambah baik, apabila nilai yen yang lebih lemah menyokong jangkaan pasaran terhadap prestasi eksport yang lebih kukuh.

Ekonomi AS terus berkembang pada suku ketiga, walaupun pada kadar yang lebih sederhana (2.3%; S2 2014: 2.6%), disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan kerajaan turut menyumbang secara positif kepada pertumbuhan buat kali pertamanya dalam tempoh 16 suku tahunan. Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 3.5% (S2 2014: 4.6%). Pasaran pekerja terus bertambah baik. Peluang pekerjaan terus meningkat (702,000; S2 2014: 800,000), manakala pengangguran jangka panjang dan pekerja sambilan luar kawal (involuntary part-time workers) menurun. Inflasi menjadi sederhana kepada 1.8% (S2 2014: 2.1%), dalam keadaan kos tenaga dan kos perkhidmatan perubatan yang lebih rendah.

Pemulihan di kawasan euro adalah perlahan pada suku ketiga. Meskipun keadaan permintaan keseluruhan disokong oleh keadaan monetari yang lebih akomodatif, pertumbuhan kekal lemah dalam keadaan pengangguran yang tinggi, penggunaan kapasiti yang rendah dan pelarasan lembaran imbangan yang berterusan oleh sektor swasta dan awam. Keyakinan perniagaan terus terjejas oleh perkembangan geopolitik di Eropah Timur, yang seterusnya menjejaskan pelaburan swasta. Inflasi terus sederhana kepada 0.3% (S2 2014: 0.6%), disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan tenaga yang lebih rendah dan kebimbangan yang bertambah terhadap risiko deflasi.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang 3% pada suku ketiga (S2 2014: 3.2%). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan, khususnya sektor pengangkutan serta perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.4% (S2 2014: 1.7%), dalam keadaan harga makanan dan pengangkutan yang lebih rendah.

Di Jepun, aktiviti ekonomi bertambah baik, walaupun kekukuhan pertumbuhan kekal lemah berikutan impak kenaikan cukai pengguna pada bulan April yang lebih besar daripada jangkaan. Penggunaan swasta disokong oleh jualan runcit yang lebih tinggi dalam keadaan guna tenaga yang lebih baik. Pelaburan disokong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik. Dalam sektor luaran, eksport berkembang

pada kadar lebih cepat (3.2%; S2 2014: 0.1%), disokong oleh penghantaran yang lebih tinggi ke Asia dan AS. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) adalah sederhana sedikit (3.2%; S2 2014: 3.3%) apabila kesan kenaikan cukai penggunaan mulai berkurang. Inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga), bagaimanapun, kekal tidak berubah (2.3%; S2 2014: 2.3%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
AS[1]	4.5	3.5	-2.1	4.6	3.5[a]
UK	1.7[d]	2.7	2.9[d]	3.2[d]	3.0[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari keseluruhan bagi ekonomi maju kekal sangat akomodatif merentas ekonomi, meskipun hala tuju dasar monetari terus berbeza pada suku ketiga. Di AS, Federal Reserve (Fed) terus mengurangkan kadar pembelian asetnya sebanyak USD10 bilion selepas setiap kali mesyuaratnya, lantas menamatkan program pelonggaran kuantitatif (QE-3) pada bulan Oktober. Selain itu, unjuran rasmi terkini bagi kadar dasar median menunjukkan bahawa kadar kenaikan kadar faedah mungkin lebih cepat daripada jangkaan, dengan kadar Dana Fed (federal funds rate) mencecah 1.4% menjelang akhir tahun 2015 (sebelumnya: 1.1%) dan 2.9% pada tahun 2016 (sebelumnya: 2.5%). Di UK, Bank of England (BoE) juga menunjukkan kemungkinan dasar monetari akan kembali kepada keadaan yang wajar bermula tahun 2015 sekiranya aktiviti ekonomi dan keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik.

Sebaliknya, ECB meneruskan pelaksanaan pelonggaran dasar monetari pada bulan September dan Oktober untuk menyokong pertumbuhan dan mengurangkan risiko deflasi di kawasan euro. Kadar operasi pembiayaan semula utama (main refinancing operations, MRO) dan kadar deposit masing-masing dikurangkan sebanyak 10 mata asas pada bulan September, kepada masing-masing 0.05% dan -0.20% (sebelumnya: masing masing 0.15% dan -0.10%). ECB juga memperkenalkan program pembelian baharu sekuriti bersandarkan aset dan bon terlindung, mulai bulan Oktober untuk sekurang-kurangnya dua tahun. Sementara itu, Bank of Japan (BoJ) menambah pembelian aset tahunannya kepada JPY80 trilion (julat sasaran sebelumnya: JPY60~70 trilion) di tengah-tengah kebimbangan yang berterusan terhadap disinflasi (disinflation).

Di RR China, ekonomi meningkat 7.3% (S2 2014: 7.5%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan industri peringkat ketiga (tertiary) (antara lain, termasuk hotel dan katering, perdagangan borong dan runcit, dan pengantaraan kewangan) dan industri sekunder (perkilangan dan pembinaan). Inflasi menjadi sederhana kepada 2% (S2 2014: 2.2%) disebabkan oleh harga makanan, pengangkutan dan perumahan yang lebih rendah.

Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, meskipun pada kadar lebih sederhana dalam beberapa ekonomi. Pertumbuhan di Indonesia menjadi sederhana kepada 5% (S2 2014: 5.1%) disebabkan oleh eksport dan pelaburan yang lebih rendah. Di Korea, aktiviti ekonomi berkembang pada kadar lebih perlahan (3.2%; S2 2014: 3.5%), disebabkan terutamanya oleh eksport bersih yang lebih lemah. Di Singapura, kadar pertumbuhan adalah mampan pada 2.4% (S2 2014: 2.4%), disokong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di China Taipei, ekonomi meningkat pada kadar yang cepat sedikit (3.8%; S2 2014: 3.7%) disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
RR China	7.8	7.7	7.4	7.5	7.3
Indonesia	5.6	5.7	5.2	5.1	5.0
Singapura	5.0	4.9	4.8	2.4	2.4[a]
Korea	3.4	3.7	3.9	3.5	3.2[a]
China Taipei	1.3	2.9	3.2	3.7	3.8[a]

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Inflasi menjadi sederhana di kebanyakan ekonomi Asia disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih rendah dalam sektor makanan serta pengangkutan dan komunikasi, khususnya di China Taipei, Indonesia, Korea, Singapura dan Thailand. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat di Hong Kong dan Filipina, masing-masing disebabkan oleh kenaikan harga perumahan dan utiliti, dan juga makanan.

Pada suku ketiga, hala tuju keputusan dasar monetari oleh bank pusat serantau berbeza. Bangko Sentral ng Pilipinas (BSP) menaikkan kadar dasar utamanya pada bulan Julai dan September sebanyak 50 mata asas kepada 4.00% untuk peminjaman semalaman atau kemudahan repo berbalik, dan 6.00% untuk pemberian pinjaman semalaman atau kemudahan belian balik. Tekanan dan jangkaan inflasi berdasarkan penilaian yang dibuat dijangka tinggi dalam keadaan penawaran yang ketat dan kemungkinan pelarasan harga dalam sektor tenaga dan utiliti. Sebaliknya, Bank of Korea menurunkan kadar asasnya pada bulan Ogos dan Oktober sebanyak 25 mata asas, masing-masing kepada 2.00%, dalam keadaan pertumbuhan pelaburan yang sederhana dan tekanan infllasi yang lemah.

Harga minyak mentah Brent menjadi sederhana kepada purata USD103 setong pada suku ketiga (S2 2014: USD110 setong), dalam keadaan bekalan minyak dunia yang lebih tinggi dan permintaan yang lemah daripada beberapa ekonomi utama, termasuk RR China. Pada suku ketiga, premium harga minyak mentah menjadi lebih rendah kerana bekalan dari rantau pengeluar minyak utama tidak terjejas meskipun perkembangan geopolitik berterusan. Sementara itu, negara bukan OPEC menyumbang bekalan yang lebih tinggi. AS, khususnya, menambah bekalan minyak shale. Harga minyak mengakhiri suku ketiga pada USD94 setong sebelum terus merosot kepada USD86 setong pada 27 Oktober 2014, paras terendah sejak bulan November 2010.

Kebanyakan mata wang utama dan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga disebabkan oleh data yang lebih lemah daripada jangkaan, jangkaan kenaikan kadar faedah AS yang lebih cepat dan perkembangan geopolitik yang sedang berlaku. Dalam ekonomi maju, euro dan yen Jepun adalah lebih rendah berikutan aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan. Pengumuman tentang langkah pelonggaran dasar monetari tambahan oleh ECB juga menjejaskan euro. Sementara itu, paun sterling terjejas oleh ketidakpastian mengenai referendum di Scotland untuk mendapatkan kemerdekaan. Di Asia, jangkaan pelabur mengenai kenaikan kadar faedah AS yang lebih cepat bersama-sama dengan demonstrasi jalanan yang semakin meluas di Hong Kong, melemahkan sentimen pasaran serantau. Walau bagaimanapun, renminbi China terus menambah nilai apabila keyakinan pelabur disokong oleh beberapa pengumuman mengenai dasar menyokong pertumbuhan, termasuk pelonggaran langkah-langkah berkaitan dengan harta benda.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka terus sederhana. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka kekal tidak sekata. Di Asia, pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri dan eksport yang berterusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko pertumbuhan global menjadi perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan permintaan dalam negeri yang berpanjangan dan inflasi yang rendah di beberapa ekonomi utama, ketidakpastian pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan yang boleh meningkatkan ketidaktentuan pasaran kewangan.